



PERSEFAHAMAN antara satu sama lain mampu mengekal dan memperkukuh perpaduan kaum.

Jangan biar ketaksuban politik leraikan ikatan perpaduan ummah

Perpecahan akibat ideologi berbeza boleh hancurkan negara

Noor Shakil Hameed

bhnews@bharian.com.my



SAMBUTAN Maulidur Rasul peringkat kebangsaan tahun ini menampilkan satu lagi tema cukup signifikan dan besar impaknya untuk kita menghayatinya secara bersama. Pelbagai isu, polemik dan masalah sudah mula melanda dan mencengkam umat Islam di negara kita mutakhir ini.

Walaupun kesucian agama Islam terpelihara kemas dalam Perlembagaan kita sebagai agama rasmi Persekutuan dan bilangan umat Islam penduduk majoriti negara ini, ia dilihat belum mencukupi untuk mewujudkan satu bentuk persefahaman dan toleransi ampuh di kalangan umat Islam di Malaysia.

Justeru, tema yang dipilih untuk majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan tahun ini iaitu 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah' boleh dikatakan cukup tepat dan perlu dihayati dan direalisasikan oleh semua.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara berbilang agama dan bangsa, kita terdedah kepada dua kategori persefahaman iaitu sesama penduduk berlatar belakang agama dan bangsa yang sama dan persefahaman di kalangan penduduk yang berbeza pegangan agama dan juga bangsa.

Misalnya, untuk mewujudkan dan memantapkan tahap serta mutu perpaduan nasional, penekanan bukan saja perlu diberi kepada persefahaman sesama umat Islam dan orang Melayu, tetapi juga perlu fokus kepada persefahaman antara umat Islam dengan penganut agama lain di negara kita seperti Buddha dan juga Hindu atau antara Melayu dengan Cina dan India.

Perkara ini dilihat menjadi masalah dan dilema besar di negara kita mutakhir ini. Rata-rata ber-

setuju tahap persefahaman baik antara umat Islam mahupun dengan orang lain sedikit goyah dan sedang melalui satu proses ujian dan cabaran cukup getir sejak kita merdeka.

Dulu, nenek moyang kita di samping bersatu atas dasar agama dan bangsa yang sama, mereka juga sanggup bekerjasama antara agama dan bangsa lain demi mewujudkan perpaduan nasional yang utuh dalam mewujudkan sebuah negara berbilang bangsa yang diwariskan kepada kita selama ini.

Namun sebaliknya berlaku sekiranya apabila perpecahan dan pergolakan mula mengambil tempat atas alasan berbeza pandangan, pegangan mahupun ideologi terutama politik.

Senario ini mewujudkan persekitaran kurang sihat dan harmoni di negara kita. Akibatnya perasaan curiga dan prasangka mudah menular menjadi parasit dan virus, seolah-olah tiada penawarnya.

Paling nyata ialah perpecahan di kalangan orang Islam yang majoritinya Melayu. Walaupun agama Islam dengan jelas menggariskan bahawa setiap seorang penganut agama Islam itu bersaudara dan wajib mengelak pertelingkahan, perselisihan faham mahupun pergaduhan, apabila kita menilai dan meneliti setiap pergolakan yang berlaku dalam negara kita terutama sesama umat Islam, jelas kita sudah terpesong jauh daripada ajaran berkenaan.

Umat Islam di negara kita pada hari ini bukan saja berpecah melalui perbezaan mazhab dan pelbagai ajaran sesat, tetapi yang paling menakutkan dan merisaukan khalayak ialah perpecahan dan percakaran akibat perbezaan ideologi politik masing-masing.

Semua pihak mahu menegakkan benang basah dan mendabik dada hanya mereka yang betul dan langsung tidak mahu mengalah walaupun atas nama persaudaraan mahupun perpaduan. Akibatnya elemen tuduh menuduh, maki hamun

dan fitnah sesama umat Islam mula bermaharajalela dalam negara kita.

Politik yang sepatutnya digunakan sebagai wadah terbaik untuk mempertahankan dan memartabatkan agama dan bangsa, sebaliknya dijadikan sebagai mangsa dan alasan untuk mencari publisiti murahan melalui pelbagai tindakan nekad memburukkan sesama umat Islam.

Kita khuatir jika dibiarkan keadaan ini bakal mengundang padah dan malapetaka bukan saja kepada perpaduan ummah dan masyarakat berbilang bangsa di negara kita, tetapi juga bakal menghancurkan negara kita secara keseluruhannya. Apakah keadaan ini yang hendak diwariskan kepada anak cucu kita? Kenapa begitu mudah kita lupa pengorbanan generasi terdahulu? Hanya pihak tidak bertanggungjawab ini boleh memberi jawapannya.

Akibat angkara segelintir rakyat kita terutama umat Islam sendiri yang begitu taksub dan tamak kuasa ini dikhuatiri perpaduan yang dinikmati kini bakal menjadi sejarah suatu hari kelak. Jangan satu hari nanti anak cucu kita hanya membaca dalam buku sejarah mengenai perpaduan yang pernah wujud di Malaysia ataupun lebih malang lagi agama Islam pernah menjadi agama rasmi negara ini.

Justeru, sempena sambutan Maulidur Rasul tahun ini, marilah kita mengambil iktibar dan memasang tekad untuk membetulkan keadaan ini sebelum semuanya terlambat. Hayatilah tema tahun ini kerana kita perlu saling memahami antara satu sama lain andai mahu kekal memelihara dan memperkukuh perpaduan yang ada.

Lupakanlah soal politik seketika dan berfikir secara waras dan matang mengenai masa depan kesucian agama Islam dan juga perpaduan di negara kita.

Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)